

Buku "Program Khas Integrasi Masalah Pembelajaran Spesifik Disleksia: Matematik Kurikulum Standard Sekolah Rendah Tahap 1" ini amat penting dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan di Malaysia terutama kepada pelajar disleksia. Buku ini adalah hasil dari penemuan penyelidikan bagi membantu dan memudahkan proses pembelajaran pelajar disleksia. Penyelidik berjaya menemukan kaedah dan proses pembelajaran yang lebih mudah kepada murid disleksia. Justeru itu, ilmu dapat disampaikan kepada mereka dengan lebih berkesan, agar tidak ketinggalan dan mampu bersaing dengan rakan-rakan dalam arus perdana persekolahan. Kanak-kanak disleksia ialah anak-anak yang berpotensi untuk pergi jauh jika mereka dibekalkan dengan ilmu yang cukup melalui kaedah yang bersesuaian.

Buku ini sangat bermanfaat kepada murid disleksia kerana setiap bab dalam buku ini menggunakan pendekatan memahami dan mentaksir. Pemahaman disuntik melalui Lembaran Maklumat (LM), manakala pentaksiran dibuat melalui Lembaran Kerja (LK). Kedua-dua jenis lembaran ini dibuat dengan menggunakan penjajaran konstruktif (*constructive alignment*) dalam aktiviti dan penilaian semasa proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Nota dalam lembaran maklumat juga disertakan dengan objek konkrit seperti blok, dekak-dekak, guli, butang, lidi, tangga dan pagar kepada murid. Pendekatan pengajaran yang digunakan ialah pendekatan multisensori iaitu pengajaran yang menggunakan kesemua deria iaitu mendengar, melihat, merasa dan bertutur. Turut dipentingkan dalam pembinaan LM dan LK ialah Elemen Merentasi Kurikulum (EMK) yang diterapkan dalam dokumen standard Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). EMK yang dimaksudkan ialah Kreativiti dan Inovasi, Keusahawanan dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK).

Di samping itu, buku ini juga menyediakan semua aktiviti yang berkaitan dengan pengalaman seharian murid di dalam dan di luar sekolah. Contoh situasi yang berbeza ialah mengikut penggunaan ilmu matematik dengan bidang lain dan dengan kehidupan harian supaya murid dapat mengaitkan pengetahuan konseptual dan prosedural. Pertambahan nilai kepada buku ini adalah latihan berbentuk aktiviti berkaitan dengan teknologi maklumat dan komunikasi. Murid disleksia ini akan didedahkan dengan aplikasi perisian komputer yang bersesuaian dengan penyelesaian masalah matematik secara *hands-on*. Ia juga menyokong kaedah pembelajaran berpusatkan murid atau *Student Centered Learning* (SCL) melalui pelbagai aktiviti dan eksperimen mudah serta menyeronokkan.

Ujian Diagnostik (UD) sangat diperlukan dalam proses pengajaran dan pembelajaran pelajar disleksia. Pembangunan UD ini lebih menjurus kepada masalah-masalah yang ketara dalam disleksia. Oleh itu UD direka bentuk khas supaya mempunyai ciri-ciri mengikut pengertian konsep disleksia. Buku ini juga mengambil kira lima dimensi dalam aras Taksonomi Bloom iaitu mengingat atau memahami, mengaplikasi, menganalisis, mencipta dan menilai. Bagi setiap dimensi, ukuran dimensi mengikut aras pelajar digunakan untuk membantu pengajaran dan pembelajaran pelajar disleksia.

Kandungan buku ini mengambil kira semua komponen dalam kurikulum matapelajaran Matematik bagi Tahap 1 yang merangkumi matapelajaran Tahun 1, Tahun 2 dan Tahun 3, yang mana meliputi nombor dan operasi, sukatan dan geometri, perkaitan dan algebra dan statistik dan kebarangkalian. Kurikulum yang terdapat dalam buku ini merupakan kurikulum perdana yang sepatutnya difahami oleh semua murid Tahap 1 selepas mereka menamatkan pengajian di peringkat ini.

Justeru itu, murid disleksia adalah golongan murid yang juga akan menggunakan kurikulum perdana ini. Buku ini mempunyai kaedah pengajaran yang dipelbagaikan untuk murid disleksia mengikut keupayaan mereka melalui pendekatan auditori, visual, atau kombinasi kedua-duanya sekali bagi menyokong pendekatan kreatif ini. Untuk tujuan tersebut, setiap bab dalam buku ini memperuntukkan satu bahagian khas berkaitan kaedah pengajaran dan teori yang menyokong kaedah tersebut. Rasional lain kepada bahagian ini adalah untuk membolehkan guru atau ibu bapa yang masih terikat dengan kaedah pengajaran tradisional, menggunakan pendekatan yang lebih kreatif.

Dokumen Standard Tahap 1 untuk matapelajaran Matematik mengambil kira lima dimensi dalam taksonomi Bloom iaitu mengingat atau memahami, mengaplikasi, menganalisis, mencipta dan menilai. Bagi setiap dimensi, ukuran berikut digunakan untuk membantu pengajaran dan pembelajaran (PdP) murid disleksia.